

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	24/3/2013

AHAD 24 MAC 2013

MINGGUAN MALAYSIA • MUKA 3

## Dalam Negeri

# Malaysia boleh bankrap seperti Greece - Dr. Mahathir

UM - 24/3/2013

BANGI 23 Mac - Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, Malaysia boleh bankrap seperti Greece sekiranya pelbagai tawaran percuma yang dijanjikan oleh pakatan pembangkang dilaksanakan.

Bekas Perdana Menteri itu berkata, segala yang ditawarkan seperti pendidikan percuma dan menghapuskan tol hanya akan membawa bencana kepada ekonomi negara.

Katanya, Greece adalah contoh negara yang menjadi mufliis kerana berlagak seperti negara kaya walaupun hakikatnya tidak mampu dari segi ekonomi.

"Pendidikan percuma sudah lama ada tetapi cuma kena tambah sedikit untuk yuran. Kenapa kita tidak beri percuma sepenuhnya, sebabnya kita tidak ada duit untuk itu.

"Kalau semua percuma macam mana kita nak ada duit jika tol tidak dikutip, cukai pun tidak mahu dikutip. Bila tidak ada duit kita akan berhutang dan lama-lama akan jadi mufliis macam Greece," katanya.

Berucap dalam Program Bual Bi-

cara Bersama Tun Dr. Mahathir Mohamad di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di sini malam tadi, katanya, pelbagai tawaran percuma yang dijanjikan itu hanya usaha pembangkang untuk meraih undi.

Yang turut hadir, isteri bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali dan Naib Canselor UKM, Tan Sri Dr. Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabudin.

Mengulas lanjut, Dr. Mahathir memberitahu, kesan yang bakal dihadapi negara kerana kerajaan membelanja di luar kemampuan sehingga terpaksa berhutang ialah mufliis.

"Walaupun kita pinjam selama ini, tetapi pinjaman itu adalah untuk tujuan pelaburan dan bukannya pinjaman hangus.

"Kerajaan membelanjakan hutang itu untuk melabur dan hasilnya pendapatan kita meningkat dan mampu membayar hutang. Lebih membanggakan, negara mampu selesaikan hutang yang dipinjam lebih awal," ujarnya.



DR. MAHATHIR



SEBAHAGIAN pelajar dan kakitangan Universiti Kebangsaan Malaysia yang menghadiri program Bual Bicara Bersama Dr. Mahathir Mohamad di Bangi, malam semalam. - MINGGUAN/ MOHD. NOOR MAT AMIN

## Cadang BR1M sebelum sesi persekolahan

KUALA LUMPUR 23 Mac - Kerajaan bercadang untuk menyalurkan Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) lebih awal pada masa akan datang terutama sebelum sesi persekolahan bermula.

Timbalan Menteri Kewangan, Senator Datuk Donald Lim Siang Chai berkata, langkah tersebut secara tidak langsung dapat membantu ibu bapa melakukan persediaan persekolahan anak masing-masing.

"Kita boleh mempertimbangkan cadangan tersebut untuk tahun depan kerana terdapat pandangan orang ramai bertanyakan mengapa tidak diberi sebelum sesi persekolahan dibuka," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas merasmikan Terminal Bas Ekspres Rawang (TBR) dan program mesra rakyat di sini hari ini.